

**POTENSI AKTIVITI MEMANCING LAUT DALAM SEBAGAI TARIKAN
PELANCONGAN
DI KUALA ROMPIN**

ISMAIL BIN HAJI MUDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ABSTRAK

Laporan ini merupakan kajian penilaian berhubung potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai satu tarikan pelancongan di Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur. Melalui laporan yang dihasilkan ini, pengkaji cuba menilai sejauhmana aktiviti memancing laut dalam yang dijalankan, mampu memenuhi ciri-ciri sebuah destinasi tarikan pelancongan yang berasaskan sumber marin iaitu aktiviti memancing laut dalam sebagai produk pelancongan yang baru di Kuala Rompin.

Kajian ini juga cuba untuk mendapatkan pandangan umum daripada pelbagai sudut terutamanya yang berkaitan dengan potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan selain isu-isu dan masalah yang mungkin wujud dalam usaha membangunkan aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin.

Setelah analisis dibuat, terbukti Kuala Rompin adalah sangat berpotensi untuk dijadikan sebagai salah sebuah destinasi tarikan pelancongan melalui aktiviti memancing laut dalam (Deep Sea Fishing). Malah jika usaha mempromosikan aktiviti memancing laut dalam di Kuala Rompin oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Memancing Malaysia (PeMM) serta badan-badan dan syarikat swasta dan kerajaan dijalankan secara menyeluruh dan bersepadu, tarikan aktiviti memancing laut dalam di Kuala Rompin ini mampu diperkembangkan ke peringkat antarabangsa dengan lebih cepat dan berkesan.

Oleh yang demikian, bagi memastikan usaha menjadikan Kuala Rompin serta lain-lain destinasi pelancongan di Malaysia melalui aktiviti memancing laut dalam perlu

diberi perhatian oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung agar potensi produk pelancongan yang baru ini dapat menjana ekonomi negara melalui aktiviti pelancongan berasaskan sumber marin ini.

ABSTRACT

This report studies the potential of deep sea fishing for the tourism attraction in Kuala Rompin, Pahang Darul Maklmur. Through this report, the researcher try to evaluate the potential of deep sea fishing activity to generate tourist arrival (anglers) to Kuala Rompin for performing the deep sea fishing activity.

This study tries to get public overview in every angle especially the potential of deep sea fishing for tourism attraction beside others issues and related problems. It is conducted by using several information from several of resources such as printed material from government, private sectors, internet, articles and other information which is related to this study.

Based on the analysis, it is proved that the deep sea fishing activity in Kuala Rompin is potentially to be introduce as the tourism attraction. Furthermore, if the promotion effort by the Tourism Malaysia and collaboration with PeMM being implement constancy and continuously, the potential of deep sea fishing in Kuala Rompin can be introduce to the global tourist especially those who are interested in fishing activity.

Thus, to ensure Kuala Rompin and other fishing destinations in Malaysia as the popular tourism attraction, all the agencies especially those who are directly or indirectly engage in this industry should play their role seriously in order to generate Malaysia economy through tourism activity using the marine resources such as deep sea fishing activities.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	I
	PENGAKUAN	II
	DEDIKASI	III
	PENGHARGAAN	IV
	ABSTRAK	V
	ABSTRACT	VI
	KANDUNGAN	VIII
	SENARAI JADUAL	XV
	SENARAI RAJAH	XVI
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Kepentingan Kajian	5
	1.3 Penyataan Masalah Kajian	6
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Lokasi Kajian	8
	1.7 Kaedah Kajian	9
	1.8 Rangka Kerja Penyelidikan	12

1.8.1	Peringkat Pertama: Kajian Awal.	12
1.8.2	Peringkat Kedua: Sorotan Literatur dan Teori.	13
1.8.3	Peringkat Ketiga: Kaedah dan Prosedur Kajian.	14
1.8.4	Peringkat Keempat : Analisis Data dan Penemuan Kajian	14
1.8.5	Peringkat Kelima: Cadangan dan Kesimpulan Kajian.	15

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Definisi	18
2.3	Definisi Perundangan dan Skop Memancing Laut (Sea Fishing) Untuk Tujuan Rekreasi Berbanding Memancing Komersial	25
2.4	Peraturan Umum Berhubung Aktiviti Sukan Memancing Oleh Komisi Yang dilantik oleh California Department Of Fish and Game.	31
2.5	Undang-undang Dan Peraturan Bagi Perikanan dan Memancing Rekreasi di Malaysia (Draf) Oleh PeMM.	32
2.6	Cadangan Oleh Persatuan Memancing Malaysia (PeMM)	33
2.7	Aspek Perlesenan	34
2.7.1	Maklumat Lesen	34
2.7.2	Memaparkan Lesen Sukan Memancing	34
2.8	Perniagaan Dalam Aktiviti Memancing	37

	Laut Dalam Di Malaysia	
2.9	Kajian Kes Terpilih Berhubung Potensi Perniagaan Melalui Aktiviti Memancing Laut Dalam.	38
2.10	Lokasi Aktiviti Memancing Laut dalam Di Malaysia	39
2.11	Jenis-Jenis Spesies Ikan Laut Dalam Yang Terdapat Di Perairan Malaysia Dan Kuala Rompin.	42
2.12	Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC)	49
2.13	Persatuan Memancing Malaysia	53
2.14	Ciri-Ciri Umum Aktiviti Memancing laut dalam di Malaysia	55
	2.14.1 Jenis Trip	55
	i. Trip Balik Hari (Day Trips)	55
	ii. Trip Bermalam (Overnight Trips)	56
	iii. Trip Live-On-Boat	56
2.15	Kemudahan-Kemudahan Penting Bagi Bot Memancing Laut Dalam	56

BAB 3 KAEDAH DAN PROSEDUR KAJIAN

3.1	Pengenalan.	62
3.2	Lokasi Kajian	62
3.3	Kaedah Kajian :Kualitatif	63
3.4	Teknik Temubual Semi-Struktur In-dept	63
	3.4.1 Temubual Dengan Agensi Kerajaan	64
	3.4.2 Temubual Dengan Kumpulan	64
	Rujukan	
3.5	Teknik Pemerhatian	65
3.6	Teknik Pengumpulan Maklumat Kedua	66

3.7	Kaedah Analisis Temubual kualitatif	67
3.8	Merekabentuk Soalan-soalan.	68
3.8.1	Soalan-Soalan Yang Ditanya Kepada Mejar (B) Ismail Feisol (Presiden Persatuan Memancing Malaysia (PeMM).	69
3.8.2	Soalan-Soalan Yang Ditanya Kepada Encik Mohd. Kamal Ahmad (Editor/Projek Unit Joran-NSTP).	70
3.8.3	Soalan-soalan Yang Ditanya Kepada Pembekal Bot (Encik Mike Thein (Pengarah Urusan Syarikat Boat Explorer Malaysia)	71
3.8.4	Soalan-Soalan Yang Ditanya Kepada Operator Bot.	72
3.8.5	Soalan-Soalan Yang Ditanya Kepada Pegawai Dari LKIM Kuala Rompin.	72
3.8.6	Soalan-Soalan Yang Ditanya Kepada Pegawai Dari Jabatan Perikanan Kuala Rompin (Puan Rokiah Binti Omar).	73
3.9	Justifikasi Pemilihan Kaedah Kajian	74
3.10	Justifikasi Pemilihan Sampel Kajian	75

BAB 4	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	80
4.2	Analisis Potensi Aktiviti Memancing Laut Dalam Sebagai Tarikan Pelancongan Di Kuala Rompin	81
4.2.1	Tema 1: Bekalan Sumber Ikan Laut Dalam Yang Banyak	81
4.2.2	Tema 2: Aktiviti Pertandingan Memancing	82
4.2.3	Tema 3: Peranan Persatuan Memancing Malaysia	83
4.2.4	Tema 4: Fungsi Media	85
4.2.5	Tema 5: Perkhidmatan Operator Bot	86
4.2.6	Tema 6: Peranan Agensi-Agensi Kerajaan	89
4.2.7	Tema 7: penyediaan Infrastruktur Dan Perkhidmatan Bagi Aktiviti Memancing	91
4.2.8	Tema 8: Kemudahsampaian (Accessibility)	92
4.3	Analisis Cabaran Aktiviti Memancing Laut alam Sebagai Tarikan Pelancongan di Kuala Rompin	92
4.3.1	Tema 1: Ancaman terhadap Sumber Ikan Laut Dalam	92
4.3.2	Tema 2: Penyediaan Keperluan Asas Bagi Aktiviti Memancing Laut dalam	93
4.3.3	Tema 3: Tiada Bantuan Dan Insentif Pembelian Bot	94
4.3.4	Tema 4: Penyediaan Operator Bot/Kapten Terlatih	95
4.3.5	Tema 5: Tiada Akta Khusus	96

Larangan Penangkapan Ikan Layaran	
4.3.6 Tema 6: Kelemahan	97
Penguatkuasaan Dan Pemantauan Aktiviti	
Penangkapan Ikan Di Kuala Rompin	

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	101
5.2	Cadangan-Cadangan	102
5.2.1	Membangunkan Operasi Aktiviti	102
	Memancing laut Dalam di Kuala Rompin	
i.	Menubuhkan Akademi Sukan	102
	Memancing Atau Pusat latihan	
ii.	Menubuhkan Syarikat Pemberi	103
	Khidmat Utama Untuk Aktiviti Memancing	
	Laut Dalam	
5.2.2	Membangun Pelan Pengurusan Di	104
	Kawasan Perikanan	
i.	Mengenalpasti Kawasan Ikan (Lubuk	104
	Ikan) Mengikut Spesisi	
ii.	Mengenalpasti Jenis Aktiviti	105
	Memancing	
iii.	Kajian Terhadap Ikan Bermusim	105
iv.	Menjaga Dan Memelihara Kawasan	105
	Pemakanan Dan Pembiakan Ikan Menerusi	
	Peruntukan Undang-Undang.	
v.	Penetapan Zon Eksklusif Memancing	103
	Di Kawasan Tertentu	
vi.	Garis Panduan Memancing	106
5.2.3	Promosi Dan Pemasaran	106
i.	Strategi Pemasaran	106
ii.	Membuat Pakej Pelancongan Dan	107

Promosi	
iii. Penerbitan Dan Penulisan	107
iv. Pangkalan Data Melalui Laman Web	108
5.2.4 Kemudahan Infrastruktur	109
5.2.5 Kemudahan Pinjaman Pembelian	110
Bot	
5.2.6 Menubuhkan Muzium Sukan	111
Memancing Di Kuala Rompin	
5.3 Kesimpulan	112

Rujukan Dan Lampiran

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Definisi Memancing, Angling, Sukan Memancing dan Memancing Rekreasi.	22
2.2	Definisi Penangkap Ikan Rekreasi dan Aktiviti Memancing.	23
2.3	Peraturan-peraturan dan Aspek Perundangan Aktiviti Memancing Yang Diamalkan Oleh Beberapa Negara Dalam Kesatuan Eropah.	26
2.4	Fee Lesen Sukan Memancing di Lautan di California Amerika Syarikat.	35
2.5	Fee Lesen Bot Menangkap Ikan Tempatan Di Malaysia.	36
2.6	Statistik Aktiviti Memancing dan “Tagging” Ikan Layaran.	51
2.7	Kemudahan Asas Yang Diperlukan Bagi Sesebuah Bot Memancing Laut Dalam	57
3.1	Senarai Dan Justifikasi Pemilihan Respondan Bagi Kajian	76

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Model Kajian	11
1.2	Rangka Kerja Kajian	15
2.1	Foto Mejar (B) Ismail Feisol Ketika Memancing Ikan Layaran Di Kuala Rompin-2006	39
2.2	Foto Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Hj. Abdullah Ahmad Badawi (Memancing Di Perairan Pulau Langkawi)	40
2.3	Aksi Pemancing Ikan Layaran	41
2.4	Kertang (Epinephelus Lanceolatus)	42
2.5	Kertang (anak) (Epinephelus Lanceolatus)	42
2.6	Kerapu (Epinephelus Malabaricus)	42
2.7	Kerapu Balong (Epinephelus Coioides)	43
2.8	Kerapu Pisang (Plectropomus Maculatus)	43
2.9	Kerapu Sunuh (Plectropomus Pessuliferus)	43
2.10	Kerapu Bara (Cephalopholis Sonnerati)	44
2.11	Kerapu Belang (Epinephelus Amblycephalus)	44
2.12	Kerapu Pulut (Epinephelus Epistictus)	44
2.13	Ikan Merah Mentimun (Symphorus nematophorus)	45

2.14	Jenahak (Lutjanus Johnii)	45
2.15	Merah Pucat (Lutjanus Erythropterus)	45
2.16	Kakap Merah (Lutjanus Argentimaculatus)	46
2.17	Merah Mata Hitam (Lutjanus Malabaricus).	46
2.18	Merah Suman (Pinjalo Pinjalo)	46
2.19	Gerepoh, Among-among (Caranx Ignobilis)	47
2.20	Geropoh Sirip Biru (Caranx Melampygus)	47
2.21	Talang (Scomberoides Commersonianus).	47
2.22	Kakap Batu/Siakap Karang (Plectorhinchus Gibbosus).	48
2.23	Ikan Layaran (Istiophorus Paltypterus)	48
2.24	Ikan Senangin (Eleutheronema tetradactylum)	48
2.25	Contoh Bot Memancing Laut Dalam Keluaran Syarikat Boat Eexplorer, Melaka	61
2.26	Bot Memancing Laut Dalam Yang Digunakan Untuk Aktiviti Memancing Laut Dalam Di Sepanyol.	61
4.1	Tema Penemuan Berhubung Potensi Aktiviti Memancing Laut Dalam Sebagai Tarikan Pelancongan di Kuala Rompin	99
4.2	Tema Penemuan Berhubung Cabaran Aktiviti Memancing Laut Dalam Sebagai Tarikan Pelancongan Di Kuala Rompin.	100

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Malaysia amat bertuah kerana dianugerahkan dengan kawasan yang kaya dengan sumber ikan air tawar dan ikan air masin yang rata-rata spesiesnya sesuai untuk dijadikan sebagai spesis tarikan bagi aktiviti memancing khususnya di laut dalam. Sebagai sebuah negara yang mempunyai iklim khatulistiwa (panas dan lembab sepanjang tahun) aktiviti memancing boleh dijalankan di negara ini sepanjang setahun di mana-mana lokasi marin sama ada di perairan Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan Sarawak.

Kajian oleh PeMM (2004), menunjukkan terdapat 386 spesis ikan air tawar dengan 63 spesis ikan yang boleh dipancing dan 26 daripada spesis ikan tersebut telah didaftarkan dengan Persatuan Sukan Memancing Antarabangsa (IGFA). Spesis seperti *Giant Snakehead*, *Malayan Jungle Perch*, *Malaysian Mahseer*, *Giant Featherback*, *Arawana* dan sebagainya adalah antara spesis ikan air tawar yang menjadi buruan setiap pemancing ikan air tawar (Persatuan Memancing Malaysia (PeMM), 2007).

Manakala di kawasan perairan (air masin) pula, Malaysia tidak kurang hebatnya berbanding dengan negara-negara luar kerana dianugerahkan lebih daripada 100 spesis ikan laut yang boleh dipancing. Antara spesis yang popular seperti Marlin Hitam, Layaran , Aruan Tasik, *Giant Travellys*, Tuna Sirip Kuning, Tenggiri, Aji-aji, Kerapu dan banyak lagi (PeMM, 2007).

Menerusi Kementerian Pelancongan Malaysia, pelbagai agenda pembangunan produk pelancongan berasaskan sumber semulajadi telah dijalankan sejak sekian lama terutamanya dalam mempelbagaikan lagi produk-produk pelancongan yang sedia ada. Malangnya, produk pelancongan yang bersifat “High Yield” seperti sukan memancing yang ternyata telah terbukti menjana pulangan yang besar kepada negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, Australia dan Kanada belum diekplotasi sepenuhnya oleh Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai produk pelancongan yang baru dan berpotensi untuk diperkenalkan ke peringkat antarabangsa.

Di Amerika Syarikat contohnya, laporan ekonomi dari *American Sports Association* (ASA) mengesahkan analisis ekonomi terkini yang dijana kepada ekonomi negeri dan negara melalui aktiviti memancing adalah sebanyak USD116 billion. Laporan secara detail ASA juga menunjukkan bagaimana 45 juta rakyat Amerika membelanjakan sejumlah lebih daripada USD 42 billion hanya untuk aktiviti memancing, trip memancing dan perkhidmatan yang berkaitan aktiviti memancing pada tahun 2001.

Manakala menurut Dillon (2004), jumlah perbelanjaan dalam aktiviti rekreasi memancing di Eropah contohnya telah mencecah lebih daripada €25 billion setahun. Malah, aktiviti rekreasi memancing menurut Dillon, dapat menyumbang kepada aktiviti sosial dan juga ekonomi di negara-negara Eropah sejak sekian lama. Pada 1998, nilai pendaratan ikan untuk tujuan komersial daripada 15 buah negara anggota Kesatuan Eropah (EU) telah mencecah sehingga €20 billion (Megapesca, 2004).

Laporan yang dikeluarkan oleh *Australian Sports National Fishing Association* menunjukkan bahawa perbelanjaan tahunan untuk aktiviti memancing dan yang berkaitan pada tahun 1998 ialah sebanyak USD 2.96 billion setahun dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 42,000 penduduk Australian secara langsung dan 40,000 secara tidak langsung.

Jangkaan perbelanjaan bagi aktiviti sukan memancing di Malaysia pula dianggarkan lebih kurang RM 2 billion. Walau bagaimanapun perbelanjaan ini dijangka akan terus meningkat melalui pengurusan yang baik serta aktiviti promosi yang meluas (Persatuan Memancing Malaysia, 2007).

Malaysia sangat berpotensi dalam bidang pelancongan berasaskan aktiviti memancing ini berdasarkan kemampuan daripada segi sumber ikan di semua lokasi perairan seperti sungai, tasik atau pun laut. Namun, buat masa kini hanya terdapat beberapa kemudahan atau operasi yang menawarkan perkhidmatan dalam industri memancing bagi menarik minat pemancing khususnya dari luar negara.

Di Malaysia, lokasi-lokasi perairan yang kaya dengan sumber ikan seperti di Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan juga Sabah semakin terkenal di kalangan pengemar aktiviti memancing laut dalam ekoran terdapat banyak spesis ikan yang bersesuaian dengan aktiviti memancing laut dalam seperti ikan Layaran (*Istiophorus paltypterus*) dan Mersuji di Kuala Rompin dan beberapa kawasan perairan di Malaysia.

Menerusi “Misi Nasional” di bawah Pelan Rancangan Malaysia ke- 9 yang diumumkan oleh YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan pembentangan Belanjawan Malaysia pada 30 September 2005, kerajaan telah meletakkan sasaran pendapatan sebanyak RM59.4 juta dengan kehadiran pelancong sebanyak RM24.6 juta menjelang tahun 2010 (Malaysia National Budget 2006).

Menjelang 2010, sumber perikanan dijangka penyumbang utama kepada sektor pertanian Malaysia. Sektor perikanan pada tahun lalu (2006) sahaja telah mencatatkan peningkatan sebanyak 250,000 (2005) tan metrik tangkapan ikan kepada 650,000 tan metrik (2006) yang bernilai RM 6.5 billion. Dengan adanya kemudahan pelabuhan yang lengkap dan moden, prestasi penangkapan ikan laut dalam akan terus berkembang dengan pesat dan menguntungkan. Buktinya kerajaan telah membina sebuah palabuhan canggih di Sarawak iaitu, Pelabuhan Nelayan Tanjung Manis yang bernilai RM 332 juta bakal meningkatkan lagi prestasi negara dalam bidang perikanan laut dalam (Star, 6 Mac 2007).

Menyedari potensi besar yang boleh disumbangkan oleh aktiviti perikanan ini kepada bidang pelancongan, Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama Berita Harian telah melancarkan *Royal Pahang Billfish International Challenge (RPBIC)* pada tahun 2004 iaitu acara pertandingan memancing ikan Layaran peringkat antarabangsa.

Pada awal penganjurannya, RPBIC telah berjaya menarik penyertaan seramai 66 orang peserta dari negara Malaysia, Singapura, dan Zimbabwe dengan menggunakan 30 buah bot sewa. Pada tahun 2005, bilangan peserta telah meningkat kepada 100 orang dengan peningkatan penyertaan dari beberapa negara seperti Singapura, Filipina, China, Kanada, United Kingdom, Australia dan Jepun (Berita Harian, 6 Jun 2006).

Penglibatan secara langsung oleh Tourism Malaysia dalam menjayakan *Royal Pahang Billfish International Challenge 2006* telah meningkatkan lagi imej serta aktiviti promosi sukan memancing khususnya *RPBIC* di Kuala Rompin ke peringkat antarabangsa. Menurut menterinya, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansur, RPBIC yang dianjurkan di Kuala Rompin sebelum ini telah membuka mata dan minda Tourism Malaysia tentang potensi sukan memancing sebagai tarikan pelancongan dan Tourism Malaysia bersedia untuk membantu dalam mempromosikan RPBIC di peringkat antarabangsa (Berita Harian, Jun 2006).

Dengan gelaran ‘di raja’ dan perkenan DYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah, selaku penaung, RPBIC yang dianjurkan pada 2005 telah mendapat pengiktirafan daripada *The Billfish Foundation* beribu pejabat di Fort Lauderdale, Florida di Amerika Syarikat. Ini dinyatakan melalui sepucuk surat daripada Pengarah Keahliannya, Deborah Cummings, kepada Presiden PeMM, Mejar (B) Ismail Feisol.

Menurut Mejar (B) Ismail Feisol , pertandingan bertaraf antarabangsa di Labuan dan Phuket, Thailand sebelum ini masih belum mendapat pengiktirafan **The Billfish Foundation** tetapi RPBIC berupaya memperolehinya hanya selepas pertama kali dianjurkan. “PeMM sudah melaporkan penganjuran RPBIC 2004 kepada Billfish Foundation dan tahun ini (2005) dan mereka mengiktiraf acara itu. Selain itu, beliau juga menegaskan PeMM akan berusaha membantu Unit Joran untuk mendapatkan pengiktirafan *International Game Fish Association (IGFA)* sekali gus menjadikan RPBIC antara **Sirkuit Rolex** peringkat antarabangsa (News Strait Times Ogos 2005).

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian Potensi Aktiviti Memancing Laut Dalam Sebagai Tarikan Pelancongan Di Kuala Rompin ini mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya kepentingan kajian ini ialah:

- i. Menyediakan penilaian di peringkat pertama tentang ciri-ciri aktiviti memancing laut dalam serta sumbangan aktiviti ini kepada sektor pelancongan berasaskan marin di Kuala Rompin.
- ii. Hasil kajian yang diperolehi boleh digunakan sebagai garis panduan untuk meningkatkan potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai produk tarikan pelancongan.
- iii. Langkah-langkah serta cadangan dariapda kajian ini penting untuk perhatian dan tindakan pihak-pihak yang berkait langsung dengan industri pelancongan berasaskan sumber marin seperti aktiviti memancing laut dalam.
- iv. Sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji seterusnya yang berminat untuk mendalami bidang kajian ini pada masa akan datang.

1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN.

Malaysia amat bertuah kerana dianugerahkan dengan pelbagai sumber flora dan fauna yang boleh dipasarkan sebagai produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa. Salah satu produk pelancongan yang masih baru di negara ini dan dilihat berpotensi untuk dipasarkan kepada pelancongan antarabangsa ialah aktiviti memancing laut dalam.

Walaupun kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan gagal mengesan potensi industri ini di mana tiada usaha untuk mempromosikan aktiviti memancing laut dalam program-program pemasaran produk-produk pelancongan mereka sebelum ini.

Negeri Pahang memang terkenal dengan tarikan-tarikan yang berasaskan sumber semulajadi seperti Taman Negara Pahang yang sudah terkenal di kalangan pelancong dalam dan luar negara. Sementara produk pelancongan berasaskan sumber marin seperti aktiviti memancing laut dalam masih lagi baru dan memerlukan strategi pemasaran dan promosi yang berterusan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Justeru, pelbagai cabaran pasti akan dihadapi oleh Kerajaan Negeri Pahang khususnya daerah Kuala Rompin dalam menjual imej pelancongan dengan menjadikan aktiviti memancing laut dalam sebagai produk tarikan pelancongan.

Bagi mana-mana pengunjung atau pelancong, aspek kemudahan, perkhidmatan dan infrastruktur pelancongan yang berkualiti dan mencukupi merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian di mana-mana destinasi pelancongan. Bagi Kuala Rompin, kualiti dan kuantiti kemudahan dan perkhidmatan terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti memancing laut dalam perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan bagi memastikan Kuala Rompin dapat memenuhi kehendak peminat aktiviti ini terutamanya dari luar negara.

1.4 PERSOALAN KAJIAN.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, persoalan yang cuba untuk diketengahkan oleh pengkaji melalui kajian ini ialah:

- i. Adakah aktiviti memancing laut dalam di Kuala Rompin berpotensi sebagai tarikan pelancongan di kawasan tersebut?

- ii. Apakah bentuk-bentuk cabaran terhadap potensi aktiviti memancng laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin?

- iii. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan aktiviti memancing laut dalam di Kuala Rompin berpotensi dijadikan sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin?

1.5 OBJEKTIF-OBJEKTIF KAJIAN.

- i. Menilai potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin.
- ii. Mengenalpasti bentuk-bentuk cabaran terhadap potensi aktiviti memancng laut dalam sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin.
- iii. Mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan aktiviti memancing laut dalam di Kuala Rompin terus mendapat sambutan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

1.6 LOKASI KAJIAN.

Kajian ini akan dijalankan di Daerah Kuala Rompin Pahang di mana aktiviti memancing laut dalam khususnya aktiviti memancing ikan Layaran, Mersuji Hitam serta lain-lain spesis ikan laut dalam yang begitu popular di kalangan pengemar aktiviti memancing samada dari dalam mahupun luar negara. Antara aspek yang akan diberi tumpuan dalam kajian lokasi ini termasuklah latarbelakang lokasi kajian, kemudahan dan prasarana untuk aktiviti memancing selain meninjau institusi-institusi yang signifikan dengan aktiviti penangkapan ikan laut dalam di Kuala Rompin.

Pemilihan lokasi kajian di Kuala Rompin ini juga dibuat memandangkan Kuala Rompin merupakan destinasi tetap bagi penganjuran *Royal Pahang Billfish International Challenge* (RPBIC) iaitu pertandingan memancing ikan layaran antarabangsa yang menarik minat penyertaan pemancing dari pelbagai negara sejak pelancarannya pada tahun 2004.

Selain itu, kemudahan bot sewaan, kawasan pembiakan ikan atau “lubuk ikan” di kawasan perairan laut dalam Kuala Rompin juga memainkan peranan dalam pemilihan lokasi bagi tujuan kajian ini bagi memastikan maklumat, data dan pelbagai aspek yang dapat membantu pengaji adalah mencukupi terutamanya dalam membuat analisis, memperolehi dapatan, membuat rumusan serta mengunjurkan cadangan-cadangan yang bersesuaian dan serta menepati aspek kajian ini.

1.7 KAEDAH KAJIAN.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu **Temubual Semi- struktur *In-depth*** bagi mendapatkan maklumat pertama berhubung segala aspek yang hendak diperolehi dan dikaji dalam kajian ini. Kaedah temubual kajian kualitatif adalah satu cara untuk mendapatkan apakah yang dirasakan dan difikirkan oleh orang lain berdasarkan perspektif mereka sendiri. Menerusi temubual kualitatif, pengkaji akan mendalami serta memahami pengalaman yang mana pengkaji sendiri tidak terlibat (Rubin and Rubin, 1995). Penggunaan kaedah kajian **Temubual Semi- struktur *In-depth*** ini akan dijelaskan oleh pengkaji dalam Bab 3.

Melalui kaedah ini, pengkaji akan menggunakan teknik temuduga dengan mengadakan sesi temubual dengan individu, pegawai daripada jabatan kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kajian ini.

Pengkaji juga akan menjalankan tinjauan dan pemerhatian (survey and observation) sepanjang berada di lokasi kajian (Kuala Rompin) bagi mengenalpasti aspek-aspek yang boleh dijadikan maklumat tambahan dan sokongan sebagai penguat kepada dapatan dan analisis data dalam kajian ini.


Seterusnya pengumpulan data-data dan maklumat sekunder pula akan dibuat oleh pengkaji yang melibatkan pengumpulan maklumat-maklumat serta menerusi laporan rasmi agensi kerajaan, terbitan, laporan-laporan persatuan memancing dalam dan luar negara, jurnal, artikel serta rujukan daripada kajian-kajian terdahulu dari dalam dan luar negara yang berkaitan dengan bidang kajian ini.

Laporan adalah berdasarkan jawapan dan kenyataan sebenar daripada responden yang terlibat dengan menggunakan olahan ayat pengkaji tanpa menjejaskan maklumat asal yang diperolehi semasa sesi temuramah dijalankan serta pemerhatian di lokasi kajian.

Maklumat dan data sekunder ini adalah maklumat sokongan bagi mengukuhkan dapatan kajian selain membantu pengkaji menghasilkan laporan yang baik dan tahap kesahan yang memenuhi kriteria kajian ilmiah sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak institusi pengajian yang akan menilai hasil kajian oleh pengkaji.

Rumusan berhubung dapatan yang cuba diperolehi oleh pengkaji melalui kajian *Potensi Aktiviti Memancing Laut Dalam Sebagai Tarikan Pelancongan* di Kuala Rompin ditunjukkan melalui rajah 1.

Rajah 1.1 Model Kajian



(Sumber : Olahan Pengkaji, 2007).

1.8 RANGKA KERJA PENYELIDIKAN.

Rangka kerja penyelidikan ini sangat penting sebagai panduan kepada pengkaji yang menunjukkan tahap-tahap yang akan dilalui oleh pengkaji dalam menyiapkan laporan kajian ini.

Rangka kerja ini merupakan rumusan berhubung langkah-langkah dan tindakan yang akan dilakukan oleh pengkaji sebagai memberi gambaran yang jelas terhadap struktur penyelidikan yang disusun atur oleh pengkaji.

Secara amnya methodologi yang akan dilaksanakan dalam menghasilkan kajian ini dibahagikan kepada 5 peringkat iaitu:

- i. Peringkat I : Kajian Awal
- ii. Peringkat II : Sorotan Literatur dan Teori.
- iii. Peringkat III : Kajian Lapangan.
- iv. Peringkat IV : Analisis dan Penemuan Kajian.
- v. Peringkat V : Cadangan dan Kesimpulan.

1.8.1 Peringkat Pertama: Kajian Awal.

Pada peringkat kajian melibatkan pengenalpastian isu dan permasalahan yang ditimbulkan serta perlu dibuat penyelesaian melalui kajian. Bagi memudahkan pengkaji mengupas maklumat untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang ditimbulkan, sorotan literatur atau kajian secara teori diperlukan. Untuk tujuan ini, pengkaji akan mengupas segala maklumat yang diperolehi daripada pelbagai media bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh berhubung isu dan permasalahan yang cuba untuk diselesaikan.

Setelah pernyataan permasalahan dan isu telah dikenalpasti, pengkaji seterusnya akan membentuk matlamat dan tujuan kajian bagi menerangkan tentang apa yang ingin diperolehi (dapatan) oleh pengkaji dalam kajian ini nanti.

Seterusnya, pengkaji akan mengemukakan beberapa persoalan kajian yang mana jawapan untuk persoalan berhubung kajian akan diperolehi pada akhir kajian setelah analisis berhubung maklumat yang diperolehi dibuat oleh pengkaji.

1.8.2 Peringkat Kedua: Sorotan Literatur Dan Teori.

Sorotan literatur serta teori berhubung kajian amat penting buat pengkaji sebagai pemberi gambaran secara menyeluruh tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian ini. Kefahaman yang mendalam berhubung kajian ini sangat bergantung kepada maklumat yang diperolehi oleh pengkaji dalam sorotan literatur ini.

Pada peringkat kedua ini pengkaji akan mengupas dan mengulas setiap maklumat berupa artikel, kajian ilmiah dari luar dan dalam negara, laporan rasmi kerajaan atau badan bukan kerajaan, terbitan dari internet, suratkhabar, majalah dan sebagainya yang berkaitan secara langsung dengan kajian yang dibuat.

Antara aspek yang akan diberi perhatian oleh pengkaji dalam sorotan literatur dan teori ini ialah angkubah yang telah ditetapkan dalam skop kajian iaitu Potensi Aktiviti Memancing Laut dalam Sebagai Tarikan Pelancongan di Kuala Rompin.

1.8.3 Peringkat Ketiga: Kaedah Dan Prosedur Kajian.

Berbanding dengan dua peringkat di atas, peringkat ketiga ini memerlukan pengkaji menjalankan kajian di luar untuk mendapatkan maklumat daripada pihak-pihak yang telah dikenalpasti untuk ditemuramah selain berada di lokasi kajian (Kuala Rompin) untuk menjalankan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang boleh membantu pengkaji dalam kajian ini nanti.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji akan menjalankan sesi temuduga dengan individu, syarikat, badan kerajaan melalui soalan-soalan yang berkaitan dengan aspek yang ingin dibuat kajian. Antara individu yang akan ditemuramah ialah Presiden Persatuan Memancing Malaysia, Pengarah Urusan Boat Explorer, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Perikanan, Editor GP Joran (NSTP), Pengusaha Bot Memancing (Kuala Rompin), Nelayan (Kuala Rompin) dan masyarakat tempatan di Kuala Rompin.

Peringkat ini amat penting dan memerlukan pelaksanaan yang rapi kerana maklumat yang diperolehi pada peringkat ini digunakan untuk analisis bagi mendapatkan hasil kajian atau dapatan kajian di peringkat selanjutnya terusnya. Untuk itu jenis dan bentuk soalan yang akan dikemukakan kepada responden mestilah relevan dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi menghasilkan dapatan yang akan menjawab persoalan kajian yang dikemukakan pada peringkat awal kajian ini.

1.8.4 Peringkat Keempat: Analisis Data dan Penemuan Kajian.

Pada peringkat ini pengkaji akan menjalankan analisis terhadap data dan maklumat yang diperolehi dalam kajian lapangan serta maklumat sekunder daripada sorotan literatur. Memandangkan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini melalui temuramah dan juga pemerhatian oleh pengkaji, analisis yang dibuat adalah bergantung

sepenuhnya dengan jawapan yang diperolehi semasa temuramah, pemerhatian serta maklumat sekunder di peringkat kajian lapangan dan sorotan literatur sebelum ini.

Hasil analisis itu nanti akan menunjukkan sama ada aktiviti memancing laut dalam berpotensi atau sebaliknya sebagai tarikan pelancongan di Kuala Rompin. Analisis ini juga akan mengandungi rumusan penemuan kajian yang menentukan strategi tindakan, langkah-langkah serta cadangan-cadangan yang perlu dipertimbangkan bagi meningkatkan potensi aktiviti memancing laut dalam sebagai tarikan di Kuala Rompin.

1.8.5 Peringkat Kelima: Cadangan dan Kesimpulan Kajian.

Merupakan peringkat terakhir dalam kajian ini. Pada peringkat ini pengkaji akan mengemukakan cadangan-cadangan atau langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan potensi memancing laut dalam sebagai produk pelancongan yang mampu menarik kehadiran pelancong ke Kuala Rompin. Cadangan-cadangan atau langkah-langkah tersebut dibuat dengan berpandukan penemuan atau dapatan kajian melalui hasil daripada analisis yang dilakukan pada peringkat keempat sebelum ini.

Rajah 2, menunjukkan rangka kerja kajian sebagai rujukan pengkaji dan pembaca kajian ini bagi memudahkan kefahaman terhadap proses penghasilan kajian ini.

Rajah 1. 2. Rangka Kerja Kajian.

